

BAB DUA

BAB DUA

TINJAUAN KAJIAN BERKAITAN

2.0 PENGENALAN

Bab ini akan membincangkan secara sepintas lalu tentang sejarah dan perkembangan ilmu sintaksis BA dan pandangan tentang kepentingan ilmu sintaksis. Pembentangan seterusnya ialah tentang beberapa pengkajian ilmu sintaksis BA pada masa dahulu dan juga sekarang, samada yang dijalankan oleh sarjana BA terdahulu dan kini, mahupun oleh para penyelidik BA di Malaysia. Oleh kerana teori kesilapan bahasa telah digunakan bagi mendapatkan data kajian ini, maka pada hemat pengkaji, adalah lebih baik jika penghuraian ringkas mengenainya dibincangkan. Oleh itu, bab ini juga akan menyentuh secara ringkas tentang pandangan umum mengenai analisis kesilapan, kepentingannya, dan pentingnya analisis kesilapan kepada pembelajaran BA.

2.1 SEPINTAS LALU TENTANG SEJARAH PERKEMBANGAN ILMU SINTAKSIS BAHASA ARAB

Ilmu sintaksis BA mula diterokai pada zaman permulaan Islam, iaitu di zaman Khulafa' al-Rasyidin. Ternyata kesan daripada penyebaran agama Islam, masyarakat Arab mula bergaul dengan bangsa-bangsa lain di dalam pelbagai situasi samada di rumah, di pasar, di masjid dan sebagainya. Implikasi daripada keadaan ini, BA telah mula tercemar dan beransur hilang keasliannya hasil daripada pengaruh bahasa-bahasa lain. Justeru merasa kecewa dengan kesilapan-kesilapan bahasa yang mula dilakukan oleh masyarakat Arab, Sayidinā 'Aliy a.s telah meminta Abū al-Aswad al-Du'alīy untuk menyusun satu kaedah

yang boleh dijadikan panduan dan pegangan masyarakat Arab (Ṭantāwīy 1995:24, ‘Abdul ‘Āl Sālim 1995:46).

Dalam dunia pendidikan Arab, ilmu sintaksis dikenali sebagai *ilmu nahu* (علم النحو).

Ilmu ini mula diperkenalkan di negara Iraq pada zaman Permulaan Islam oleh Abū al-Aswad al-Du‘alīy (65-96H). Beliau merupakan seorang pakar bahasa di zaman khalifah ‘Aliy Ibn Abī Ṭālib (Ṭantāwīy 1995:21)

Sebenarnya, sejak zaman jahiliah lagi, masyarakat Arab tidak pernah memikirkan tentang peraturan-peraturan dan hukum-hukum tatabahasa ketika berkomunikasi samada secara lisan mahupun bertulis. Ini kerana setiap ungkapan mereka sentiasa menepati segala hukum dan peraturan nahunya. Begitu juga hasil sastera yang ditulis samada puisi mahupun sajak tidak perlu dinilai dari segi hukum dan peraturan nahu. Ketulenan BA sentiasa terpelihara sehinggalah pada zaman permulaan Islam apabila ramai orang-orang asing datang menetap di negara Arab. Dalam usaha untuk berkomunikasi dalam BA, banyaklah terhasil kesilapan terutamanya dari segi peraturan bahasa sehingga mengakibatkan berlakunya pencemaran bahasa (Ṭantāwīy 1995:20)

Ilmu nahu mula disusun secara sistematik demi untuk menjaga ketepatan bacaan ayat-ayat al-Quran. Mereka mula menyedari akan keperluan satu kaedah yang teratur kerana bimbang ketulenan al-Quran akan tercemar jika sekiranya tiada sebarang panduan atau kaedah bacaannya apabila dibaca oleh orang asing (‘Abdul ‘Āl Sālim 1995:10, Ṭantāwīy 1995:24).

Meskipun Abū al-Aswad merupakan orang yang bertanggungjawab memperkenalkan ilmu nahu, tetapi ilmu ini mula dinamakan ilmu nahu ialah pada zaman selepas beliau. Timbulnya idea untuk menamakannya ilmu nahu adalah hasil daripada ungkapan Sayidina ‘Aliy semasa Abū al-Aswad membentangkan hasil tulisan pertamanya tentang ilmu ini kepada baginda yang berbunyi (Ṭanṭāwīy 1995:33):

ما أحسن هذا النحو الذي قد نحوت

ma: ṭahsana ha:ḍa: ṭan-naḥwa ṭal-laḍi: qad naḥawta

maksudnya: alangkah indahny arah ini yang telah kamu terokai

Tatabahasa atau nahu merupakan cabang ilmu yang tertua yang telah mempunyai tradisi sejak abad ke 15 sebelum Masihi dalam tamadun Yunani (Awang Sariyan 1991:754). Sekiranya istilah tatabahasa berasal dari bahasa Yunani yang disebut *gramatikos* (Awang Sariyan 1991:754), istilah nahu pula adalah berasal dari perkataan Arab, dan ilmu ini disusun oleh orang Arab tanpa dipengaruhi oleh mana-mana bangsa lain (Ṭanṭāwīy1995:21).

Istilah nahu (نحو) sebenarnya terbentuk daripada kata akar yang juga merupakan kata kerja *naḥa* (نحا) yang bermaksud: menuju arah sebagaimana yang dijelaskan dalam kamus al-Mawrid (ms:1161): *to go to, to follow, be guide by, to take or adopt the same course*.

Berdasarkan penjelasan di atas, jelaslah bahawa dengan matlamat yang utama ilmu nahu ialah menjaga ketulinan al-Quran, Abū al-Aswad telah meninggalkan dua jasa yang amat besar kepada dunia linguistik Arab, pertama, memperkenalkan satu peraturan bagi

bacaan al-Quran dengan bertunjangkan ilmu *i'rab* (desinential inflection). Kedua, beliau telah menyemai benih pertama bagi pertumbuhan bidang sintaksis BA yang belum pernah diterokai oleh mana-mana sarjana BA sebelumnya.

Jika Abū al-Aswad dianggap sebagai pengasas ilmu nahu, al-Khalīl Ibn Aḥmad (175H/791M) pula terkenal sebagai orang pertama memperkenalkan penggunaan simbol diakritik dalam ilmu nahu sebagai panduan bacaan al-Quran dengan tepat dan mengelak berlakunya kesilapan. Ilmu nahu pada zaman beliau telah sampai ke kemuncak kesempurnaan apabila beliau mula memperkenalkan pengkajian ilmu nahu secara berasingan daripada ilmu-ilmu bahasa yang lain (Simsā'at 1994:18). Manakala al-Māzinī (249H) merupakan orang pertama yang memisahkan ilmu sintaksis (علم النحو) dengan ilmu morfologi (علم الصرف).

Sībawaih (188H/830M) pula dianggap sebagai penyambung perjuangan Abū al-Aswad. Dengan terhasilnya buku beliau berjudul *al-Kitāb* (الكتاب), ilmu nahu berjaya diangkat menjadi ilmu yang terpenting dalam pengajian BA. Buku ini dianggap sebagai salah satu buku muktabar yang menjadi bahan rujukan utama bukan sahaja di dunia Arab (yang bermula di tiga bandar utama iaitu Basrah, Kufah dan Baghdad), malah pengaruhnya telah tersebar ke seluruh negara Islam di dunia (Abdul 'Āl Sālim 1995:11).

Dengan ini, dapatlah diringkaskan bahawa ilmu nahu telah bermula di tangan ilmuwan bahasa aliran Basrah (Basrī), dan seterusnya diikuti oleh aliran Kufah (Kūfī) yang

muncul agak lewat kerana sibuk dengan kegiatan mencipta syair. Akhirnya mereka telah berganding bahu demi memantapkan ilmu nahu.

Sejak diperkenalkan, ilmu nahu telah mengalami empat tahap perkembangan sebelum ianya tampil sebagai ilmu yang terpenting dalam bidang pengajian BA. Empat tahap tersebut ialah:

1. Tahap penciptaan dan pembentukan (طور الوضع والتكوين) di usahakan oleh kumpulan Basri.
2. Tahap pertumbuhan dan perkembangan (النشوء والنمو) diusahakan oleh Basri dan Kufi.
3. Tahap kematangan dan kesempurnaan (النضج والكمال) di tangan Basri dan Kufi.
4. Tahap pengukuhan, penyusunan dan pembukuan (الترجيح والبسط والتصنيف) yang diusahakan oleh sarjana-sarjana dari Baghdad, Andalus, Mesir dan Syam.

(Ṭantāwīy 1995:36)

Penjelasan di atas, menunjukkan, sejarah bermulanya usaha penyusunan ilmu nahu dilakukan adalah bertujuan untuk memelihara ketulenan al-Quran. Jelaslah bahawa peranan al-Quran amatlah besar dalam mengangkat kedudukan BA sebagai satu bahasa yang unggul dan kekal ketulenan dan keasliannya sebagaimana yang ditegaskan oleh Mustafa Hj. Daud (1996:48):

“Keunggulan BA dan ketekalannya hingga ke hari ini adalah disebabkan kewujudan al-Quran. Al-Quran bukan sahaja merupakan perlembagaan Islam yang tertinggi, tetapi juga merupakan mukjizat yang teragung yang dipelihara oleh Allah S.W.T dari segi ketulenan, terhindar dari sebarang perubahan samada dari segi makna atau kalimahnyanya sejak diturunkan hingga ke hari kiamat.”

2.2 PANDANGAN SARJANA ARAB TENTANG KEPENTINGAN ILMU SINTAKSIS

Terdapat pelbagai pendapat tentang sejauh mana pentingnya ilmu sintaksis BA. Bagi sarjana Arab tradisional, ilmu nahu itu adalah bahasa itu sendiri. Oleh itu, pembelajaran nahu merupakan matlamat dalam pembelajaran bahasa Arab. Namun ada yang berpendapat bahawa ilmu nahu tidaklah begitu penting kerana ianya sekadar untuk mengetahui kaedah dan peraturan bahasa tersebut. Jadi ianya lebih kepada cara menggunakan bahasa dan bukan matlamatnya (Abū Khuḍairi 1994:114). Berbeza pula dengan pendapat Ṭanṭāwīy (1995:9) yang menggambarkan kepentingan ilmu nahu sebagai ilmu yang paling tinggi kuasanya, paling bermanfaat kesannya, dengannya (ilmu nahu) menghasilkan kelembutan lidah.

Bagi sarjana tradisional, peranan ilmu nahu hanya tertumpu kepada sekitar pengkajian tentang *i'rab* (desinential inflection) dan tanda kasus sahaja, iaitu dengan mengkaji kedudukan dan peranan perkataan tersebut di dalam ayat (Mujāwir 1983:666). Namun, setelah masa berlalu dan proses pengajaran dan pembelajaran BA telah berkembang dengan pesatnya, fahaman tersebut telah berubah. Para sarjana BA generasi baru yang dipelopori oleh Ibrāhīm Muṣṭafā (1937) dan Syauqī Dīf (1977) telah mula menyedari tentang kepentingan-kepentingan ilmu sintaksis yang jauh lebih penting iaitu untuk mengetahui kaedah memilih kata, frasa dan klausa yang tepat untuk dijadikan ayat dan mengkaji hubungannya dengan kata-kata yang lain, sejauh mana kesesuaian antaranya, samada dari segi fonologi, morfologi dan juga semantik. Dengan itu, mereka mula berusaha memperkenalkan ilmu nahu secara lebih mudah dan ringkas (Abū Khuḍairi 1994:116).

Bagi al-Rikābī (1973:135), Pengajian ilmu nahu adalah sesuatu yang wajib demi menjaga lidah dan pena daripada kesilapan. Namun, dalam proses pengajaran BA, pelajar tidak perlu didedahkan kepada keseluruhan aspek ilmu tersebut, tetapi cukup hanya memilih aspek-aspek nahu fungsian yang berkaitan dengan penggunaan dalam pertuturan dan penulisan

Ini menunjukkan bahawa matlamat pengkajian ilmu nahu ialah untuk memastikan struktur ujaran atau ayat yang dibina menepati peraturan-peraturan linguistik bagi mengelakkan daripada berlakunya kesilapan penggunaan BA juga bertujuan untuk menghasilkan komunikasi atau mesej yang berjaya.

‘Abdul Qādir Aḥmad (1986:167-168) dan Ḥasan Syahātah (1992:201-202) menjelaskan tentang objektif pengajaran sintaksis:

1. Menjaga lidah dan pena daripada melakukan kesilapan. Ini merupakan objektif terpenting yang menjadi faktor mendorong orang Arab memperkenalkan tatabahasa dan sintaksis.
2. Menjadikan pelajar mempunyai kekuatan pemerhatian dan berfikir secara logik dan teratur selain daripada kecekapan membuat kesimpulan dan penilaian dalam menghasilkan struktur bahasa yang betul.
3. Membantu pelajar memahami sesuatu ujaran dengan kefahaman yang tepat dan pantas.
4. Menajamkan fikiran, menggilap citarasa dan memperkayakan bahasa pelajar.
5. Memberikan pelajar kemampuan untuk mempraktik peraturan-peraturan bahasa dalam komunikasi dan penulisan menggunakan bentuk struktur bahasa yang pelbagai dalam kehidupan harian mereka.

6. Menjadikan tatabahasa sebagai asas untuk dijadikan panduan dan ikutan. Ini adalah kerana hanya dengan memerhati, mengikut dan menghayati penggunaan tatabahasa yang betul yang akan menghasilkan bahasa yang tepat.

2.3 TINJAUAN KAJIAN SINTAKSIS BAHASA ARAB

Pengkajian tentang ilmu sintaksis telah menjadi tumpuan para pengkaji BA sejak bermulanya ilmu ini diterokai dahulu sehinggalah pada masa kini. Walaupun rata mengakui bahawa masalah penguasaan ilmu sintaksis di kalangan pelajar sememangnya menjadi masalah utama dalam proses pengajaran dan pembelajaran BA. Namun setelah berkurun lamanya masalah ini dipebincangkan dengan pelbagai cara bagi percubaan mengatasinya, hakikat yang terpaksa diterima ialah masalah ini terus wujud. Walau bagaimanapun, ianya tidak pernah melemahkan semangat para pengkaji BA untuk terus berjuang dengan membuat pelbagai jenis kajian mengenai sintaksis demi untuk mencapai satu peningkatan yang memuaskan dalam bidang ilmu sintaksis, bukan saja untuk membantu prestasi para pelajar, malah juga untuk memberi panduan kepada para pengajar sendiri. Berikut disenaraikan beberapa contoh hasil kajian sintaksis yang telah dijalankan oleh para pakar bahasa sejak dahulu sehingga masa kini, samada dalam bentuk buku rujukan, kertas kerja, mahupun tesis atau disertasi:

2.3.1 KAJIAN SINTAKSIS OLEH SARJANA BAHASA ARAB TERDAHULU

Sebagaimana yang telah dijelaskan di atas mengenai kejayaan Sarjana dari kota Baghdad iaitu Sībawaih (188H) menghasilkan karyanya *al-Kitāb* yang begitu terkenal sehingga kini. al-Akhfasy mengakui bahawa *al-Kitāb* merupakan sebagai buku

pengkajian tentang ilmu nahu yang paling baik dan paling tepat yang tiada tandingannya. Penghuraianya tentang aspek ilmu nahu begitu lengkap dari aspek-aspek asas sehinggalah kepada aspek cabang yang halus (dipetik dari ‘Abdul al-Salām 1988:26), sehingga masyarakat Arab pada masa dahulu menganggap *al-Kitāb* sebagai *قرآن النحو* yang bermaksud: *Quran ilmu nahu* (‘Abdul al-Salām 1988:24).

Seorang lagi sarjana BA dari Bahdad Ibnu Jinni (322H) telah menghasilkan *al-Khaṣāis*, iaitu salah sebuah buku muktabar yang termasyhur yang masih menjadi bahan rujukan utama sehingga kini. *al-Khaṣāis* dianggap sebagai buku yang tinggi nilai retoriknya, indah cara penyampainnya, dan jelas dari segi maknanya (al-Najāṛ)

Ibn Mālik (597H) telah menghasilkan karyanya *Alfiyyat Ibn Mālik* yang membincangkan ilmu sintaksis dengan cara yang sangat unik apabila beliau mempersembahkan penghuraian setiap peraturan dan rumus sintaksis BA dalam bentuk bait-bait syair yang indah. Keindahan dan keunikan *Alfiyyat Ibn Mālik* ini telah menarik minat Ibn ‘Aqīl (697H) untuk mengkaji dan mengulasnya dalam buku beliau *Syarḥ Ibn ‘Aqil*. Beliau bukan saja mengagumi dan menyokong pandangan Ibn Mālik tentang aspek-aspek nahu, malah adakalanya beliau mengkritik beberapa hujah Ibn Mālik yang dirasakan perlu (Ibn ‘Aqīl :16).

Sarjana Arab dari negara Mesir yang terkenal iaitu Ibn Hishām (708H) dalam karyanya *Qaṭr al-Nadā* telah memberi sumbangan yang besar kepada bidang tatabahasa dan sintaksis BA dengan penghuraian yang begitu jelas, lengkap dan mudah difahami dengan menggunakan ayat-ayat al-Quran sebagai contoh-contoh pembentukan sintaksis BA. Ini tentunya memudahkan pembaca menerima dan memahami setiap penjelasan

kerana contoh-contoh ayat al-Quran yang digunakan sememangnya telah dihayati dan sehati dengan kehidupan umat Islam.

Seorang lagi sarjana BA dari Mesir al-Sayūṭī (755H) terkenal dengan karyanya *al-Muzhir Fī 'Ulūm al-Lughat Wa Anwā'uhā*. Penghuraian beliau mengenai sintaksis antara lain tertumpu kepada aspek bahasa, lafaz dan makna.

2.3.2 KAJIAN SINTAKSIS BAHASA ARAB OLEH SARJANA BAHASA MASA KINI

Menyedari tuntutan pembelajaran BA yang telah berkembang dengan pesatnya bukan saja di negara Arab, malah di seluruh pelusuk dunia samada di negara Islam mahupun di Barat, maka para pakar BA dari pelbagai bangsa telah tampil dengan hasil pengkajian mengenai ilmu sintaksis dengan membuat penghuraian yang lebih ringkas dan mudah difahami. Antaranya:

Muhammad Abdul Rauf (1973) telah cuba memenuhi keperluan para pelajar penutur BI yang mempelajari BA peringkat asas dengan menghasilkan karyanya *Arabic For English Speaking Students*. Beliau telah berjaya menghuraikan setiap aspek tatabahasa dan ciri-ciri sintaksis BA dengan cara yang mudah difahami, juga menggunakan kosa kata dan teks yang jelas dan ringkas berserta dengan latihan bagi setiap pelajaran.

Di kalangan pakar BA masa kini, Ni'mat, Fu'ād (1973) merupakan salah seorang yang berani membuat pembaharuan dalam pengkajian tentang sintaksis apabila menghasilkan buku *Mulakhas Qawā'id Al-Lughat Al-'Arabīyyat*. Menyedari tentang hakikat bahawa ciri-ciri tatabahasa BA yang begitu kompleks, beliau berjaya menghasilkan sebuah buku

tatabahasa yang berbentuk penghuraian ringkas yang merangkumi ilmu sintaksis dan juga ilmu morfologi. Ternyata ianya berjaya lari daripada bentuk penghuraian secara klasik sebagaimana yang didapati dalam buku-buku nahu BA yang terdahulu. Namun, sesuatu yang dapat diperhatikan ialah penjelasan beliau tentang fakta-fakta sintaksis kebanyakannya terpengaruh dengan pendapat Ibn Hisyām.

Mustafā, Muhammad Salāḥuddīn (1979) telah menghasilkan buku *al-Nahwu al-Waṣfī min khilāl al-Qur'ān al-Karīm*. Sesuatu yang menarik tentang buku ini ialah setiap penghuraian tentang sintaksis BA dibawa contoh ayat-ayat al-Quran sebagai bukti bahawa jenis-jenis ayat yang diperkatakan sememangnya wujud. Selain itu, setiap tajuk dan nama-nama rumus BA dibawa terjemahan ke BI bagi memudahkan pelajar bukan Arab memahaminya.

Antoin Dahdah (1981) juga berjaya menghasilkan suatu pembaharuan dalam pengkajian sintaksis BA melalui bukunya *Mu'jam qawā'id al-Lughat al-'Arabīyyat fī jadāwil wa lawḥāt*, apabila beliau cuba membentang keseluruhan aspek tatabahasa dan sintaksis dalam bentuk carta dan gambar rajah. Pengkajian yang berbentuk demikian amat berkesan dalam membantu pelajar membuat rujukan pantas, ringkas dan mudah difahami. Justeru ianya sangat sesuai digunakan oleh pelajar BA sebagai bahasa ketiga terutamanya di IPTA.

Fadel Ibrahim (1994) dalam bukunya *Iqra' Arabic Reader* membincangkan tentang rumus-rumus struktur BA dengan cara yang paling menarik apabila penjelasan yang diberi bukan dalam bentuk syarahan mahupun kaedah yang sukar difahami, tetapi dalam bentuk “ala matematik” iaitu dengan mengasingkan kata dasar dan imbuhan samada

partikel (أل), ta' feminin dan sebagainya simbol campur (+). Dan setiap istilah dan tajuk diterjemahkan ke BI untuk memudahkan pelajar memahaminya. Pendekatan ini amat sesuai dengan kehendak pengajaran BA sebagai bahasa ketiga peringkat asas. Penjelasan tentang aspek tatabahasa dan peraturannya didahului oleh teks yang berupa dialog mahupun cerita ringkas.

Clives Holes (1995) dalam bukunya *Modern Arabic*, membentangkan pengkajian beliau mengenai sintaksis BA dengan cara beliau tersendiri. Penghuraian yang berbentuk ringkas dan mudah difahami dengan memberi penumpuan tentang aspek sintaksis tanpa mengabaikan aspek makna bagi setiap penghuraiannya dapat membantu kefahaman pelajar tentang perbezaan antara ciri-ciri sintaksis BA dan BI, sesuai dengan matlamat buku tersebut untuk tujuan pengajaran BA kepada penutur BI yang beliau gunakan di Cambridge Universiti selama enam tahun semenjak buku ini dihasilkan.

Maghālīsh (1997) menghasilkan karya beliau *al-Nahwu al-syāfi* yang membincangkan aspek-aspek sintaksis BA bermula dengan penghuraian tentang lafaz, ujaran dan ayat-ayat BA. Beliau merupakan salah seorang sarjana Arab moden yang cuba mengubah anggapan kebanyakan pelajar yang menganggap bahawa pelajaran ilmu nahu BA itu amat susah untuk dipelajari dan dikuasai.

Selain itu, pakar-pakar BA di Malaysia juga telah sama-sama bangkit menghasilkan pelbagai karya samada dalam bentuk buku mahupun kertas kerja yang mengkaji tentang sintaksis BA demi untuk membantu para pelajar BA yang sentiasa memerlukan bahan-bahan rujukan dalam usaha untuk mengauasai BA. Antaranya:

Ismail Ibrahim (1990) membuat kajian analisis konstrastif antara BA dan BI dari segi struktur sintaksisnya. Beliau telah berjaya menjelaskan perbezaan antara ciri-ciri struktur ayat BA dan BM dengan mengemukakan contoh-contoh yang mudah difahami.

Ahmad Hassan (1995) dalam karyanya *al-Nahwu wa al-ṣarf li Ghayr al-nāṭiqīna bi al-lughat al-ʿArabiyyat* cuba menjelaskan tentang tugas setiap kalimah dalam ayat BA, tanda kasus dan *i'rab*nya. Ternyata beliau masih lagi menggunakan kaedah tradisional dalam menghuraikan setiap pelajaran, iaitu dengan memulakannya dengan definisi contoh dan kaedah. Namun, sesuatu yang membanggakan ialah apabila beliau cuba menampilkan inovasi terkini dalam pengajaran dan pembelajaran BA apabila menghasilkan satu set buku dan cakra padat pengajaran BA (1998). Bahan ini merangkumi aspek sintaksis, morfologi, penulisan, perbualan, ulangkaji dan latihan dengan memberi penekanan kepada aspek sintaksis dan morfologi.

Ishak Mohd Rejab (1996) menghasilkan siri buku *Kursus bahasa Arab* dengan membawa teks-teks BA sebagai contoh bagi setiap pelajaran, kemudian diikuti dengan kaedah yang disampaikan dalam BM.

Mukhlas (2001) pula telah menghasilkan buku *Cara belajar bahasa Arab (Nahu)*. Beliau telah memulakan setiap pelajaran dengan membawa definisi dalam BA yang kemudiannya diterjemahkan ke dalam BM, diikuti dengan contoh-contoh ayat yang berkaitan. Jelas sekali bentuk penghuraian beliau juga masih terpengaruh dengan cara persembahan klasik yang terdapat dalam buku-buku karya pakar-pakar BA terdahulu.

2.3.3 KAJIAN SINTAKSIS OLEH PARA PENYELIDIK BAHASA ARAB DI MALAYSIA MASA KINI

Tidak dapat dinafikan bidang sintaksis telah menjadi tumpuan kajian para pengkaji dan penyelidik BA. Justeru, terdapat banyak kajian-kajian yang telah dijalankan mengukur keupayaan pelajar Melayu dalam penguasaan kemahiran berbahasa Arab. Dan rata-rata mendapati bahawa pelajar Melayu masih gagal untuk menguasai BA dengan baik samada dalam kemahiran menulis mahupun bertutur.

Berdasarkan pemerhatian pengkaji, ramai pengkaji BA yang berminat mengkaji tentang aspek-aspek tertentu sintaksis BA yang terdapat dalam al-Quran. Antaranya ialah Hasan Ahmad (1994) yang mengkaji tentang penggunaan kata tanya siapa (*من*) di dalam al-

Quran. Siti Iqbal (1999) membuat kajian analisis gaya bahasa *al-insyā'* dalam surah *al-Nūr*. Kajian yang dijalankan adalah bertujuan untuk menghayati dan mempelajari betapa keindahan gaya BA yang terkandung di dalam al-Quran al-Karim yang boleh diterapkan dalam pengajaran BA. Ternyata kajian ini lebih sesuai sebagai rujukan pelajar BA tinggi yang sudah menguasai aspek tatabahasa dan sintaksis BA. Muhammad Sirajuddin (2000) Mengkaji tentang fungsi ayat BA dalm juzu' 'Amma dengan membahaskan unsur-unsur tatabahasa BA yang berkaitan dengan ayat dan pelbagai strukturnya berpandukan pendekatan tatabahasa fungsian. Objektif kajian ialah untuk mengaplikasikan pendekatan serta prinsip tatabahasa fungsian moden dan cuba menghubungkannya dengan tatabahasa klasik melalui kajian struktur ayat dan jenis-jenisnya. Kajian-kajian berbentuk begini sebenarnya dapat memberi sumbangan yang besar terhadap bidang sintaksis. Usaha menganalisis aspek-aspek sintaksis yang terdapat

di dalam al-Quran bukan saja dapat menerokai keindahan struktur-struktur BA dari segi lafaz dan makna, malah ianya dapat dijadikan contoh pengajaran yang mudah diterima dan difahami oleh pelajar Melayu, memandangkan ayat-ayat al-Quran sudah sebatian dengan kehidupan masyarakat Melayu di Malaysia.

Kajian analisis kontrastif juga menarik minat ramai pengkaji BA yang cuba mencari persamaan atau kelainan antara BA dan BM mahupun BA dan BI. Muhammad Zain Mahmud (1994) membuat kajian analisis kontrastif sistem nahu (sintaksis) BA dan BM. Kajiannya merupakan kajian perpustakaan yang menghuraikan tentang ciri-ciri kategori nahuan dan sintaksis BA secara menyeluruh dengan membentangkan perbezaan setiap ciri-ciri kategori nahuan bahasa antara BA dan BM. Ismail Ibrahim (1990) dan Mat Taib Pa (1996) membuat kajian analisis kontrastif antara BM dan BA tentang aspek struktur BA. Mat Taib Pa dalam kajian beliau telah mendapati perbezaan yang jelas antara ciri-ciri kedua bahasa ini apabila ahli BA dalam penulisan mereka tentang sintaksis, telah membahagikannya kepada dua kategori utama iaitu: kalimah dan ayat. Sedang ahli BM pula telah sentiasa menekankan tentang pembahagian sintaksis BM kepada tiga kategori iaitu: kalimah, frasa dan ayat (1996:1). Manakala Haded (1997) pula membuat kajian analisis kontrastif dan analisis kesilapan tentang sistem kata kerja BA dan BI.

Secara keseluruhannya, hasil daripada kajian-kajian analisis kontrastif di atas menunjukkan bahawa sememangnya terdapat perbezaan yang amat ketara antara ciri-ciri tatabahasa dan struktur BA dan BM. Malah banyak aspek-aspek tatabahasa BA yang tidak terdapat dalam BM seperti aspek (إعراب) *desinential inflection*. penggunaan

partikel penentu (لِ), aspek genus, pembentukan kata duaan, kata jamak dan sebagainya. Perbezaan dan persamaan antara BA dan BM yang dapat dikenal pasti melalui pengkajian analisis konstrastif ini dapat membantu para pengajar BA menyusun strategi pengajaran yang lebih berkesan.

Selain itu, kajian analisis kesilapan sintaksis merupakan kajian yang popular di kalangan para pengkaji BA. Banyak kajian analisis kesilapan sintaksis BA yang dijalankan adalah berbentuk menyeluruh iaitu tanpa memfokuskan kepada aspek-aspek tertentu. Antaranya Abū Khudairi (1987) yang membuat kajian ke atas pelajar UKM untuk mengenalpasti jenis-jenis kesilapan BA yang berlaku dalam penulisan karangan. Kajian ke atas pelajar Matrikulasi UIAM yang dijalankan oleh Wan Rahiman (1994) pula untuk melihat penguasaan pertuturan di kalangan pelajar. Kajian seterusnya ialah yang dijalankan oleh Che' Radiah Mezah (1995), Hassan Basri dan Abdalla (1996), Muhammad Bakhit dan El-Basha (1998), Che' Kamaruddin Kamel (1999) dan Normah (2000).

Meskipun kajian-kajian yang disebut di atas, dilakukan ke atas pelajar yang berbeza di mana sebahagiannya menjalankan ujian ke atas pelajar peringkat sekolah menengah dan ada pula yang menjalankan ujian ke atas pelajar peringkat IPT, namun dapatan yang diperolehi menunjukkan satu persamaan iaitu rata-rata pelajar gagal menguasai sintaksis BA. Ini terbukti apabila peratusan kesilapan yang dihasilkan oleh pelajar dalam kesemua kajian-kajian di atas adalah tinggi. Manakala peratusan jenis-jenis kesilapan yang tinggi melibatkan kesilapan tatabahasa dan pembinaan struktur ayat selain

daripada kesilapan-kesilapan yang berkaitan dengan ejaan, leksikal, morfologi dan *i'rab* (desinential inflection) dan sebagainya.

Terdapat juga kajian-kajian analisis sintaksis BA yang dijalankan memfokuskan kepada aspek-aspek tertentu. Sebagaimana kajian yang dijalankan oleh Sulaiman Hj. Ismail (1996) yang mengkaji tentang kesilapan pembinaan frasa adjektif BA di kalangan pelajar Melayu. Hasil kajian ini telah menunjukkan peratus yang agak tinggi iaitu 61% di peringkat pertama dan 50.82% di peringkat kedua. Namun, kajiannya hanya tertumpu kepada pembinaan frasa adjektif tanpa menyentuh aspek sintaksis BA yang lain. Ashinida (1998) pula mengkaji tentang kekeliruan antara *al-idāfaṭ* (frasa konstruk) dan *al-na'at* (adjektif) di kalangan pelajar Melayu. Kajian yang telah dijalankan ke atas pelajar tingkatan lima SMKA Hamidiah Kajang adalah bagi mencari jalan penyelesaian untuk mengatasi masalah kekeliruan antara *al-idāfaṭ* dan *al-na'at* dan faktor-faktor penyebab. Hasil kajian mendapati bahawa kesilapan tatabahasa adalah yang tertinggi dengan terhasilnya 1845 (66.4%) kesilapan. Kesilapan ortografi berlaku sebanyak 519 (18.7%) dan kesilapan leksikal sebanyak 416 (14.9%).

Abdul Ghani (1999) mengkaji tentang kesilapan membina ayat asas BA di kalangan pelajar Sekolah Menengah. Beliau telah menjalankan ujian ke atas pelajar tingkatan lima di empat buah sekolah. Dapatan kajian menunjukkan bahawa pelajar ternyata sukar untuk menguasai kemahiran membina ayat asas. Dapatan kajian menunjukkan 43% pelajar telah melakukan kesilapan membina pola ayat *ismiyyat* (ayat kata nama). 13.44% pelajar melakukan kesilapan membina ayat *fi'liyyat* (ayat kata kerja) dan hampir 50% pelajar tidak dapat menguasai kaedah tatabahasa yang berkaitan dengan ayat subjek-predikat. Jassem (2000) telah membuat kajian AK ke atas 54 pelajar

Sekolah Menengah Agama di Malaysia. Kajiannya bertujuan untuk mengetahui beberapa aspek penggunaan frasa kata kerja BA yang dihasilkan oleh pelajar dalam penulisan karangan. Hasil kajian mendapati kebanyakan pelajar tidak dapat menggunakan kata kerja BA dengan betul dalam sesuatu ayat.

Fuari @ Fauzi (1995) pula, selain daripada mengkaji tentang struktur sintaksis BA (المركب في العربية) dan jenis-jenisnya, beliau juga menyentuh tentang kepentingan

peranan *i'rab* (desinential inflection) dalam pembelajaran ilmu sintaksis. Beliau berpendapat bahawa struktur BA adalah aspek yang terpenting dalam pembelajaran ilmu sintaksis kerana ianya merupakan asas-asas sesuatu ujaran. Pengkajian tentang sistem *i'rab* juga menarik perhatian Muhammad bin Idris (1996) yang menjalankan kajian ke atas pelajar Pra Akademi Pengajian Islam Nilam Puri. Seramai 100 orang pelajar terlibat sebagai responden. Dapatan analisis menunjukkan bahawa 68% pelajar mendakwa bahawa mereka dapat menguasai BA secara sederhana, 28% lemah, 10% baik dan 4% mengatakan mereka amat lemah.

Hj. Mohammad bin Seman (2000) membuat kajian mengenai aspek keserasian atau kesesuaian (المطابقة) dalam sintaksis BA. Dalam kajian ini beliau telah membuktikan

bahawa keserasian adalah merupakan satu aspek terpenting dalam siri pengajian BA dari pelbagai aspek seperti keserasian dalam ayat subjek predikat, ayat kata kerja dan sebagainya. Para ahli sintaksis BA telah sekian lama menyedari tentang kepentingan peranan keserasian di antara bahagian-bahagian struktur BA di mana tanpanya akan memberi kesan terhadap makna sesuatu ujaran. Bagi merealisasikan kajian ini, beliau

telah memilih pelajar Melayu yang mempelajari BA di Universiti Malaya sebagai subjek kajian untuk melihat sejauh mana penguasaan aspek keserasian di kalangan pelajar.

Mohd. Zaki (2001) mengkaji tentang nilai serta kegunaan huruf sebagai sel di dalam BA. Beliau telah menganalisis huruf BA dari pelbagai peringkat iaitu peringkat fonetik, fonologi, morfologi, sintaksis dan juga makna. Di peringkat sintaksis, peranan huruf-huruf tertentu adalah sebagai kata peranti dengan membawa berbagai maksud mengikut konteks ayat. Manakala ciri-ciri makna yang tersirat pada huruf dapat dilihat dalam analisis makna. Namun, oleh kerana pengkajian beliau hanya tertumpu kepada peranan huruf, maka aspek makna yang disentuh ialah yang melibatkan makna yang terhasil dari satu lafaz, tanpa menyentuh pembentukan makna yang terhasil dari struktur ayat tertentu.

Selain itu, terdapat banyak kertas-kertas kerja yang dibentangkan dalam seminar-seminar samada di dalam mahupun di luar negara yang membincangkan tentang masalah pengajaran dan pembelajaran BA.

Sesuatu yang dapat diperhatikan pada keseluruhan kajian-kajian sintaksis yang telah dibincangkan di atas ialah, hanya sedikit sahaja kajian yang menghurai secara jelas tentang aspek makna. Malah hampir tiada langsung kajian tentang sintaksis yang dikaitkan secara langsung dengan pembentukan makna yang terhasil kesan daripada kesilapan sintaksis yang dilakukan. Dan kemungkinan perubahan makna yang berlaku boleh mengakibatkan kegagalan proses komunikasi.

Menyedari hakikat ini dan juga permasalahan tentang tata bahasa dan sintaksis BA sentiasa menjadi faktor utama dalam proses pengajaran dan pembelajaran BA, dan betapa pentingnya aspek makna diberi perhatian, telah memberi kesedaran kepada pengkaji untuk membuat kajian lanjutan tentang permasalahan sintaksis dengan memberi penekanan kepada kesannya ke atas pembentukan makna. Ini kerana, pengajaran membina sintaksis BA tanpa menyentuh aspek makna tidak akan memberi kesedaran dan sensitiviti kepada pelajar tentang akibat daripada kesilapan-kesilapan yang dilakukan.

2.4 ANALISIS KESILAPAN

Sesuatu yang tidak boleh dipertikaikan ialah peranan yang dimainkan oleh analisis kesilapan (seterusnya, AK) dalam usaha mengesan atau mengukur sejauh mana kesukaran pelajar menguasai sesuatu bahasa yang dipelajarinya. Pengkaji juga tidak ketinggalan menggunakan kaedah AK bagi mengumpul data kajian ini. Justeru, pengkaji cuba memberi ruang untuk membincangkan secara ringkas beberapa aspek penting mengenai AK berdasarkan pandangan para ahli bahasa:

2.4.1 TEORI ANALISIS KESILAPAN/KESALAHAN BAHASA

Definisi AK oleh Corder (1974 dipetik dari Rosli Talif & Rakan-rakan 1989)) ialah:

“What has come to be known as error analysis has to do with the investigation of the language of several language learners.”

Corder menjelaskan bahawa kesilapan bahasa berlaku kepada pelajar yang hendak menguasai bahasa kedua, kesalahan bahasa ini akan berlaku apabila pelajar itu belum

mampu menguasai seluruh sistem bahasa kedua yang dipelajari (Dipetik dari Abdul Hamid & Inderbir 1995:532).

Tarigan (1988:272) mendefinisikan kesalahan bahasa sebagai:

“ sisi yang mempunyai cacat pada ujaran atau tulisan pelajar. Kesalahan tersebut merupakan bagian-bagian konversasi atau komposisi yang menyimpang dari norma terpilih dari performasi bahasa orang dewasa.”

Bagi Asmah Hj. Omar (1986:199) pula, lebih selesa menggunakan istilah *kejanggalan* (deviance) berbanding dengan ‘error’ yang pada pandangannya kurang tepat kerana perkataan itu boleh disalahtafsirkan, dan mendefinisikannya sebagai:

“Satu ucapan atau bentuk tulisan yang terkeluar daripada norma-norma bahasa yang bukan standard yang boleh diterima daripada segi fonologi, tatabahasa atau leksikon bahasa itu.”

Dalam memperkatakan tentang kesilapan bahasa di kalangan pelajar, terdapat pandangan yang berbeza-beza di kalangan ahli-ahli bahasa. Ahli psikologi Mentalis (Teori Koda Kognitif) yang didokong oleh Jean Piaget, Lenneberg dan lain-lain (Kamarudin Husin 1998:24), berpendapat bahawa kesilapan pelajar adalah berdasarkan fatalism. Kesilapan yang berlaku di kalangan mereka sudah ditentukan oleh nasib, jadi pelajar perlu bersedia memperbaiki kesilapan tersebut.

Manakala ahli psikologi Behaviouris (teori Mekanis) yang dianuti oleh Bloomfield pula menganggap kesilapan sebagai tanda pengajaran yang tidak baik, sebaliknya jika pembelajaran berjalan dengan sempurna, kesilapan tidak akan mudah berlaku.

Pendapat di atas memberi gambaran kepada kita bahawa kesilapan bahasa boleh dielakkan, dan sekiranya pengajaran di sesebuah sekolah atau pusat pengajian itu baik, maka hasilnya pelajar akan dapat menggunakan bahasa yang dipelajari samada di dalam

pertuturan, pembacaan mahupun penulisan dengan baik, menepati kaedah dan peraturan bahasa tersebut tanpa melakukan sebarang kesilapan.

Namun hakikatnya, sesiapa jua yang mempunyai pengalaman mengajar atau belajar sesuatu bahasa, pasti mengakui bahawa setiap pelajar tidak dapat lari dari melakukan kesilapan bahasa dalam proses pembelajaran. Jika dilihat kepada pelajar yang mempelajari bahasa ibunda pun sentiasa melakukan kesilapan, dan yang jelas, keadaan menjadi semakin sukar dalam pembelajaran bahasa asing, bahkan tidak dapat dinafikan ada ketikanya kesilapan juga berlaku dikalangan para pengajar sendiri. Demikianlah pula dalam penggunaan bahasa, manusia juga tidak luput daripada melakukan kesalahan tidak mengira samada bahasa pertama atau bahasa kedua.

Tarigan (1988:271) berpandangan bahawa:

“Tidak ada siswa yang tidak pernah membuat kesalahan selama belajar Orang yang pintar pun sering berbuat salah atau keliru, apa lagi para pelajar....”

Justeru, hakikat yang tidak dapat dinafikan ialah kesalahan atau kesilapan akan terus berlaku dalam proses pembelajaran bahasa terutamanya bahasa asing sebagai bahasa ketiga. Namun ini tidak bermakna kita harus bertolak ansur dan membiarkan kesalahan itu berlaku, sebaliknya sebagai pengajar bahasa, kita seharusnya sentiasa berusaha mengatasinya, memperbetulkannya dengan segera, atau mengurangkannya seminimum yang mungkin.

2.4.2 PANDANGAN UMUM TENTANG ANALISIS KESILAPAN

Analisis kesilapan lahir daripada hasil penyelidikan Noam Chomsky (1957) dan juga hasil daripada usaha dan penyelidikan para guru dan menjadi popular pada tahun 1970-an. Apabila terbit sebuah buku bertajuk "*The significance of Learner's Errors*" yang ditulis oleh Pit Corder (1967). Terdapat dua faktor utama yang menyumbang kepada kepopularan AK di dalam pengkajian bahasa:

- 1) Semakin banyak bukti menunjukkan pelajar-pelajar melakukan kesilapan di samping kesilapan gangguan dapat diperolehi.
- 2) Ada yang berpandangan bahawa kesilapan pelajar sahaja menandakan satu kecacatan pengetahuan tentang bahasa itu, tetapi juga satu petanda di mana pelajar itu menguji hipotesis tentang peraturan-peraturan bahasa sasaran itu secara berterusan. (Choong Kee Foong 1993).

AK bahasa adalah suatu bidang yang meneliti dan menganalisis kesilapan-kesilapan bahasa yang dilakukan oleh pelajar yang mempelajari bahasa. Bidang ini telah berkembang dengan pesat akibat daripada wujudnya kesedaran baru dalam konsep kesilapan bahasa. Ellis 1986 (Dipetik dari Tarigan 1988:68) mendefinisikannya sebagai:

“...Suatu prosedur kerja, yang biasa digunakan oleh para peneliti dan guru bahasa, yang meliputi pengumpulan sampel, pengendifikasian kesalahan yang terdapat dalam sampel, penjelasan kesalahan tersebut, pengklasifikasian kesalahan itu berdasarkan penyebabnya, serta pengevoluasan atau penilaian keseriusan kesalahan itu,”

Ada yang berpendapat bahawa kemunculan AK adalah hasil dari kekecewaan terhadap hasil yang dicapai oleh analisis konstrastif. (Choong Kee Foong 1993:). Analisis konstrastif dipelopori oleh C.C. Fries dalam bukunya *Teaching and Learning of English*

as a Foreign Language pada tahun 1975, dan Robert Lado yang menulis *Linguistics Across Culture* pada tahun 1957 (Norafidah 1994:111). Mereka berpendapat bahawa kita dapat meramal dan menghuraikan pola-pola yang akan menyebabkan kesusahan dalam pembelajaran bahasa kedua dan juga pola-pola yang tidak akan menyebabkan kesusahan dengan membandingkan bahasa ibunda dengan bahasa kedua secara sistematik.

Analisis kontrastif kemudiannya dikembangkan oleh Bloomfield (1914) adalah bertujuan untuk menganalisis bahasa secara terancang, dan untuk memperlihatkan satu teori, hipotesis atau pemerian sistem bahasa yang cuba menjelaskan fenomena kesilapan yang sering wujud dalam bahasa ke dua pelajar. (Jamaliah 1990:334).

Sebenarnya, kedua-dua analisis ini amat penting dalam usaha mengenalpasti aspek-aspek bahasa sasaran pelajar yang sukar dan yang menjadi punca berlakunya kesilapan. Bolehlah dikatakan, sekiranya analisis kontrastif sebagai kajian berbentuk teori ataupun prosedur kerja, maka AK pula merupakan teknik eksperimen untuk memperakui teori analisis kontrastif. Pada pandangan pengkaji, AK sebenarnya amat memerlukan analisis kontrastif dalam usaha untuk mencari punca kesilapan dan juga cara untuk mengatasi masalah. Ini kerana teori analisis kontrastif yang mengkaji perbezaan-perbezaan antara B1 dan bahasa sasaran dapat digunakan sebagai landasan dalam meramalkan atau memprediksi kesulitan-kesulitan pelajar.

Walau bagaimanapun, tidak dapat dinafikan bahawa, AK mempunyai peranan yang jauh lebih penting daripada analisis kontrastif kerana ianya juga merupakan asas kepada linguistik terapan yang mampu memberi kesahihan kepada dapatan yang terdapat dalam

kajian linguistik kontrastif. Ia juga dapat memaklumkan kepada kita tentang proses psikolinguistik pembelajaran sesuatu bahasa.

2.4.3 KEPENTINGAN ANALISIS KESILAPAN

Dalam proses pengajaran dan pembelajaran sesuatu bahasa, sesuatu yang tidak dapat dielakkan ialah masalah penguasaan pelajar yang menyebabkan berlakunya kesilapan-kesilapan dari pelbagai aspek bahasa sasaran, dan biasanya pengajar akan cuba sedaya upaya dengan berbagai cara untuk menangani masalah ini dengan cuba membetulkan kesilapan dan memperjelaskan kepada pelajar tentang kesilapan mereka. Dalam keadaan inilah perlunya AK digunakan oleh pengajar untuk mengkategorikan jenis kesilapan yang pelajar lakukan dan melihat kekerapan kesilapan mereka, dengan itu langkah-langkah yang perlu boleh diambil untuk mengatasi masalah.

Oleh itu, menganalisis kesilapan bahasa adalah suatu perkara yang amat penting yang perlu ditangani oleh pengajar bahasa, kerana ianya merupakan satu langkah asas dalam menyediakan maklumat, juga untuk membuat penilaian keupayaan pelajar dalam penguasaan dan penggunaan bahasa yang dipelajari. Hasil daripada AK sangat penting kepada pengajar bahasa yang perlu tahu jenis-jenis dan punca-punca kesilapan. Kesilapan-kesilapan yang dilakukan oleh pelajar sebenarnya boleh dijadikan maklumbalas akan sejauhmana keberkesanan teknik pengajar seseorang pengajar bahasa.

Melalui kajian AK para pengajar akan dapat melihat hasil pencapaian pelajar, aspek-aspek bahasa yang susah untuk dikuasai oleh mereka yang selalu membawa kepada berlakunya kesilapan, dan seterusnya meneliti jenis-jenis kesilapan dan kekerapan ianya

berlaku samada dalam pertuturan mahupun dalam penulisan. Berdasarkan maklumat ini, pengajar diharap dapat mempelbagaikan corak dan teknik pengajaran yang lebih berkesan dengan memberi penekanan yang lebih kepada aspek-aspek yang sukar dan yang mengakibatkan berlakunya kesilapan. Sebagaimana kata Azman Wan Chik (1982:173):

“Analisis kesilapan menyumbangkan maklumat-maklumat yang penting di mana guru dapat menilai pembelajaran dan pengajaran serta menentukan keutamaan untuk langkah-langkah selanjutnya khususnya untuk tugas pemulihan.”

Melalui AK juga pengajar bahasa dapat meninjau tahap sistem bahasa yang telah dikuasai oleh pelajar. Kesilapan yang dihasilkan oleh pelajar, baik dari segi morfologi mahupun dari segi sintaksis adalah amat berguna sebagai bukti yang sah bagi menunjukkan keadaan sebenar yang pernah dihadapi oleh pelajar-pelajar semasa mereka mempelajari bahasa yang didedahkan kepada mereka. Dengan itu, pengajar akan mendapat gambaran yang jelas tentang langkah-langkah yang perlu diambil dalam perancangan pengajaran dan pembelajaran bahasa berkenaan.

Tarigan (1988:68) menjelaskan bahawa:

“Menganalisis kesalahan yang dibuat oleh para siswa jelas memberikan manfaat tertentu, karena pemahaman terhadap kesalahan itu merupakan umpan-balik yang sangat berharga bagi pengevoluasan dan perencanaan penyusunan materi dan strategi pembelajaran di kelas.”

Demikianlah pentingnya peranan AK yang mempunyai pengaruh langsung dalam pengajaran sesuatu bahasa, di mana ianya memberi implikasi pedagogi yang sangat besar iaitu yang berkaitan dengan pembetulan kesilapan (Jamaliah 1990:337).

Jelaslah bahawa AK telah banyak memberi sumbangan kepada semua pihak yang terlibat dalam proses pengajaran dan pembelajaran bahasa sebagaimana yang ditegaskan oleh Zulkifley (1994:75):

“AK memberikan sumbangan yang penting dalam melicinkan proses pengajaran bahasa, terutamanya bahasa kedua. Ia bukan sahaja dapat dimanfaatkan oleh para guru bahasa tetapi juga oleh perancang pendidikan bahasa dan para pelajar bahasa.”

Beliau juga telah menyenaraikan beberapa kepentingan AK dalam proses pengajaran bahasa seperti berikut:

- a) Melalui AK, pengajaran bahasa akan menjadi lebih berkesan kerana guru lebih berpeluang untuk bersedia dengan teknik yang sesuai serta bahan-bahan pengajaran yang telah dirancang mengikut kesesuaian para pelajar.
- b) Guru secara khusus dapat mengesan sejauh manakah pengaruh bahasa ibunda terhadap proses pembelajaran bahasa kedua.
- c) Melalui AK, guru-guru dapat memahami bahawa kesalahan-kesalahan yang dilakukan oleh para pelajar itu bukanlah sesuatu yang rambang tetapi lebih merupakan kesalahan-kesalahan yang dirancang. Kesalahan itu sebenarnya bukanlah pada tahap *gerak laku* (performance) sahaja tetapi ia berakar umbi pada tahap *akal budi* (competence).
- d) Hasil maklumat yang diperolehi daripada proses menganalisis kesalahan, guru boleh mengubahsuai kaedah dan teknik pengajarannya bagi mengatasi masalah-masalah yang dihadapi oleh para pelajar.

Secara jangka panjang, AK dapat membantu penyusunan sukatan pelajaran pemulihan atau rancangan pengajaran kembali (Ibrahim Ahmad 1989:612). Sebagaimana hasil dari kajian AK juga dapat memberi panduan kepada penulis buku teks untuk

menghasilkan sesuatu yang menepati kehendak pengajaran dan pembelajaran bahasa yang benar-benar berkesan.

2.4.4 PENTINGNYA KAJIAN AK DALAM PENGAJARAN BAHASA ARAB

Kepentingan peranan AK dalam pembelajaran bahasa pertama dan bahasa kedua sudah jelas dan terbukti. Adakah AK juga memainkan peranan yang sama penting dalam proses pengajaran dan pembelajaran BA sebagai bahasa ketiga? Sekiranya dalam pengajaran BM sebagai bahasa pertama pelajar masalah penguasaan pelajar begitu ketara dan menjadi tajuk utama pengkaji bahasa yang tidak pernah berkesudahan, begitu juga dengan BI sebagai bahasa kedua yang sememangnya lebih sukar untuk dikuasai oleh pelajar, maka sudah tentulah pembelajaran BA sebagai bahasa ketiga lebih banyak memberi masalah kepada pelajar Melayu terutamanya. Lebih-lebih lagi ciri-ciri kaedah BA itu sendiri yang terkenal dengan kekompleksannya yang jauh amat tinggi jika dibandingkan dengan BI, apa lagi dengan BM.

Abū Khudāiri (1991:15) menegaskan:

“Tujuan kajian ini ialah untuk mengelak daripada berlaku kesalahan serta membimbing pelajar-pelajar supaya menggunakan BA dengan betul samada lisan atau tulisan. Analisa kesalahan juga dapat membantu para guru mengetahui kelemahan pelajar. Oleh itu mereka tahu aspek manakah yang perlu diberi penekanan.”

Semua pengkaji bahasa telah sepakat mengatakan bahawa bahasa adalah alat komunikasi, iaitu alat yang digunakan oleh seluruh manusia untuk berhubung antara satu sama lain. Ini bererti kita hanya boleh berkomunikasi dengan adanya bahasa.

Hujah tersebut membuktikan bahawa peranan AK dalam pengajaran dan pembelajaran BA sebenarnya sangat penting, sebagaimana yang dijelaskan oleh Abū Khudairi (1994:52):

“Peranan analisis kesilapan dalam pengajaran bahasa tidak terbatas kepada untuk mengenalpasti jenis-jenis kesilapan dan menilaikan peratusnya sahaja, malah lebih jauh daripada itu, iaitu cuba menentukan punca-punca kesalahan bahasa yang utama sehingga dapat menghalang dari berlakunya kesilapan atau sekurang-kurangnya dapat mengurangkannya.”

Al-Amīn Ṣālih (1982:12) pula menjelaskan:

“Kesilapan adalah penting kerana ia merupakan gambaran strategi individu seseorang pelajar, dan ini bererti proses pembelajaran sentiasa kekal berterusan.”

Sebenarnya, AK bukanlah perkara baru dalam pengajaran BA, cuma kaedah dan pendekatannya saja yang berbeza. Sejak dulu lagi pakar-pakar BA telah mahir dengan ilmu yang mengkaji dan mengkritik karya-karya sastera. Cuma kebolehan mereka ini tidak diterapkan ke dalam pengajaran BA.

2.5 KESIMPULAN

Pengkajian mengenai sintaksis sememangnya menjadi tumpuan para ahli BA dan juga para penyelidik BA. Ini kerana hakikat bahawa kepentingan peranan sintaksis dalam proses pengajaran dan pembelajaran BA sudah diakui. Demikian juga tentang masalah penguasaan aspek sintaksis di kalangan pelajar samada di negara Arab sendiri mahupun di Malaysia sentiasa disedari dan menjadi tajuk pebincangan yang hangat di kalangan para ahli BA.

Namun, komunikasi boleh berjalan dengan lancar hanya jika para pengguna bahasa itu cekap menguasainya. Peranan bahasa sebagai alat berkomunikasi mengenakan syarat ke atas pemilihan bahasa yang bakal digunakan. Untuk berkomunikasi dengan berkesan, kita mesti memilih bahasa yang diketahui oleh pihak yang ingin kita hubungi. Seandainya terdapat pihak yang tidak cekap menggunakan bahasa, maka akan terjejaslah proses komunikasi.

Keadaan ini akan lebih rumit dalam komunikasi BA. Untuk berkomunikasi dalam BA seseorang itu perlu sentiasa pantas berfikir, dan cekap memilih perkataan untuk digunakan di dalam ayat kerana setiap patah perkataan yang hendak digunakan mesti menepati aspek tatabahasa, mesti ada penyesuaian dari segi genus, bilangan, kala dan yang amat penting ialah tahu menggunakan peranan kasus bagi setiap perkataan tersebut agar mesej yang hendak disampaikan tidak lari dan dapat difahami oleh pendengar atau pembaca.

Ini kerana penentuan maksud sesuatu ayat BA tidak bergantung sepenuhnya kepada urutan perkataan sebagaimana ayat BM, tetapi ianya ditentukan oleh rupa bentuk setiap perkataan yang disusun yang sentiasa memerlukan perubahan untuk disesuaikan dengan peranannya di dalam sesuatu ayat. Justeru, masalah komunikasi bukan saja akan berlaku bila penuturnya tersalah memilih perkataan yang hendak digunakan dalam komunikasi. Walaupun pemilihan perkataan tepat dan betul, jika ianya tidak diubahsuai mengikut peranannya di dalam ayat, maka kecacatan komunikasi tetap berlaku.

Hujah tersebut membuktikan bahawa peranan AK dalam pengajaran dan pembelajaran BA sebenarnya sangat penting, sebagaimana yang dijelaskan oleh Abū Khudāiri (1994:52):

“Peranan analisis kesilapan dalam pengajaran bahasa tidak terbatas kepada untuk mengenalpasti jenis-jenis kesilapan dan menilaikan peratusnya sahaja, malah lebih jauh daripada itu, iaitu cuba menentukan punca-punca kesalahan bahasa yang utama sehingga dapat menghalang dari berlakunya kesilapan atau sekurang-kurangnya dapat mengurangkannya.”

Al-Amin Ṣāleḥ (1982:12) pula menjelaskan:

“Kesilapan adalah penting kerana ia merupakan gambaran strategi individu seseorang pelajar, dan ini bererti proses pembelajaran sentiasa kekal berterusan.”

Sebenarnya, AK bukanlah perkara baru dalam pengajaran BA, cuma kaedah dan pendekatannya saja yang berbeza. Sejak dulu lagi pakar-pakar BA telah mahir dengan ilmu yang mengkaji dan mengkritik karya-karya sastera. Cuma kebolehan mereka ini tidak diterapkan ke dalam pengajaran BA.

2.5 KESIMPULAN

Pengkajian mengenai sintaksis sememangnya menjadi tumpuan para ahli BA dan juga para penyelidik BA. Ini kerana hakikat bahawa kepentingan peranan sintaksis dalam proses pengajaran dan pembelajaran BA sudah diakui. Demikian juga tentang masalah penguasaan aspek sintaksis di kalangan pelajar samada di negara Arab sendiri mahupun di Malaysia sentiasa disedari dan menjadi tajuk pembincangan yang hangat di kalangan para ahli BA.

Kepentingan peranan AK juga tidak sepatutnya dipandang ringan. Telah terbukti bahawa AK telah banyak membantu dalam usaha untuk meningkatkan mutu pengajaran dan pembelajaran bahasa. Maka, bab ini juga telah memberi ruang kepada penghuraian secara ringkas tentang AK, teori-teori mengenainya, pandangan-pandangan ahli-ahli bahasa mengenainya dan kepentingannya dalam membantu para pengajar bahasa untuk mengenalpasti aspek bahasa sasaran yang susah untuk dikuasai oleh pelajar, seterusnya mencari jalan bagi mengatasi permasalahan.